

GARIS PANDUAN GERAN GALAKAN PENYELIDIKAN FAKULTI SAINS KESIHATAN, UKM (PINDAAN 2026)

1. PENGENALAN

Penurunan peratus kejayaan memperoleh dana di peringkat kebangsaan yang bersifat kompetitif mencetus ilham pihak pengurusan Fakulti Sains Kesihatan untuk mengusulkan Geran Galakan Penyelidikan FSK. Inisiatif ini adalah bagi memastikan aktiviti penyelidikan Fakulti ini tidak terjejas disebabkan kekurangan suntikan kewangan.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Menyedia dana dalam kepada penyelidik untuk menjalankan aktiviti penyelidikan bagi menggalakkan pengambilan pelajar pascasiswazah; dan
- 2.2 Merintis peluang kolaborasi penyelidikan antara penyelidik dan institusi dengan pihak luar (kebangsaan atau antarabangsa).

3. SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik Fakulti Sains Kesihatan yang mempunyai rekod permohonan dana di peringkat kebangsaan bagi tahun semasa dan berimpak;

3.2 Kakitangan akademik berstatus kontrak adalah dibenarkan untuk memohon sebagai **Penyelia Utama** dengan syarat-syarat berikut:

- i. Permohonan mestilah menyertakan sekurang-kurangnya seorang **Penyelia Bersama (Co-Researcher)** bertaraf tetap.
- ii. **Pelan Peralihan:** Penyelia Bersama tersebut mestilah bersetuju secara bertulis untuk mengambil alih tanggungjawab sebagai **Penyelia Utama** sekiranya kontrak perkhidmatan pemohon asal tamat sebelum projek penyelidikan selesai sepenuhnya.

- 3.2 Pemohon perlu menyatakan peluang kolaborasi pihak luar (kebangsaan atau antarabangsa) melalui aktiviti penyelidikan;
- 3.3 Pemohon perlu mengemukakan bukti bahawa pemohon telah mempunyai calon pascasiswazah (PhD sahaja) yang bakal berdaftar atau pelajar yang berstatus aktif (Semester I/Semester II) atau pelajar yang telah diluluskan pertukaran Sarjana ke PhD;
- 3.4 Permohonan juga dibuka kepada kakitangan akademik yang mempunyai pelajar PhD yang menjalankan kajian berbeza daripada permohonan GGP yang telah diluluskan.
- 3.5 Lokasi penyelidikan mestilah dilakukan di dalam negara (Malaysia) dan perbelanjaan terhad kepada sokongan penyelidikan di Malaysia sahaja;
- 3.6 Jumlah siling peruntukan adalah RM20,000.00.

4. TEMPOH PENYELIDIKAN

Jangka masa projek adalah dua (2) tahun.

5. TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Pemohon perlu mengemukakan permohonan melalui Borang Permohonan Geran Galakan Penyelidikan FSK kepada Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi).
- 5.2 Permohonan perlu lengkap dengan bukti permohonan dana di peringkat kebangsaan dan dokumen potensi kolaborasi penyelidikan dengan pihak luar peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- 5.3 Permohonan perlu mendapat sokongan Pengerusi Pusat Kajian.

6. PERATURAN PERBELANJAAN

- 6.1 **Vot 11000 (Upah & Elaun)**
 - 6.1.1 Lantikan Penyelidik Pacsa Doktoral, Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mengikut syarat dan mematuhi syarat dan tidak melebihi kadar yang ditetapkan oleh pihak CRIM.
- 6.2 **Vot 21000 (Perjalanan & Pengangkutan)**
 - 6.2.1 Jumlah perbelanjaan vot ini tidak melebihi 40% jumlah keseluruhan peruntukan.
 - 6.2.2 Tuntutan perjalanan hanya dibenarkan dibuat oleh Ketua Penyelidik dan Penyelidik Bersama tertakluk pada kecukupan geran dan perjalanan untuk tujuan penyelidikan sahaja.

6.3 Vot 24000 (Sewaan)

6.3.1 Sewaan hanya dibenarkan untuk tujuan penyelidikan secara langsung.

6.4 Vot 27000 (Bekalan & Bahan Penyelidikan)

6.4.1 Pembelian bekalan dan bahan hanya untuk tujuan penyelidikan sahaja dibenarkan.

6.4.2 Pembelian inventori adalah dibenarkan dengan justifikasi dan mengikut tatacara pengurusan aset Universiti.

6.5 Vot 28000 (Baik Pulih Kecil & Ubahsuai)

6.5.1 Perbelanjaan dibenarkan untuk penyelenggaraan instrumentasi dan makmal penyelidikan.

6.5.2 Komitmen kewangan hanya dibenarkan semasa projek aktif.

6.6 Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)

6.6.1 Vot ini untuk tujuan perkhidmatan seperti percetakan, hospitaliti, honorarium subjek, perkhidmatan profesional, konsultansi, yuran persidangan, dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas yang menyumbang secara langsung dengan projek.

6.7 Vot 35000 (Aksesori & Peralatan)

6.7.1 Tiada pembelian aset atau peralatan khas berharga RM3,000.00 ke atas dan pembelian perisian komputer dibenarkan menggunakan dana ini.

7. HASIL PENYELIDIKAN

7.1 Penerbitan

7.1.1 Penyelidik perlu menghasilkan sekurang-kurangnya:

satu (1) artikel yang diterbitkan di dalam jurnal yang **diindeks oleh Web Of Science (WoS) kategori Q1-Q4**. Penerbitan dalam jurnal berindeks *WoS-ESCI* atau *Scopus* **tidak akan diiktiraf** sebagai pencapaian skim geran ini.

7.1.2 Kegagalan menyempurnakan KPI penerbitan yang ditetapkan akan mengakibatkan Penelia Utama **tidak layak (disenarai hitam)** daripada mengemukakan sebarang permohonan baharu di bawah skim GGP bagi tempoh **dua (2) tahun berturut-turut** bermula dari tarikh tamat tempoh projek.

7.1.3 Penerbitan perlu didaftarkan dalam Sistem e-Repository.

7.1.4 Penerbitan juga perlu berkaitan dengan projek penyelidikan ini.

7.2 Kolaborasi Penyelidikan

7.2.1 Penyelidik perlu mengemukakan dokumen kolaborasi penyelidikan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa melalui Surat Hasrat berkepala surat institusi terbabit atau LOI/MoU/MoA/Research Agreement yang telah dimeterai atau dimatikan setem.

8. PENILAIAN

8.1 Permohonan akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi) mengikut bidang projek penyelidikan.

8.2 Keputusan jawatankuasa adalah muktamad.

9. PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

9.1 Pemakluman kepada pemohon yang berjaya akan dibuat selepas keputusan jawatankuasa dan kelulusan peruntukan diperoleh.

9.2 Pengaktifan projek penyelidikan akan dibuat melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) dan pengaktifan peruntukan projek dibuat dalam sistem UFASt.

10. PEMANTAUAN

10.1 Penghantaran laporan kemajuan adalah melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU).

10.2 Ketua Projek adalah bertanggungjawab memastikan laporan kemajuan dihantar mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

10.3 Laporan akhir perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek.

11. LAIN-LAIN

11.1 Sekiranya Ketua Projek berhenti atau pindah Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P), projek yang telah diluluskan boleh diteruskan dengan penamaan Ketua Projek di kalangan penyelidik bersama. Projek ini tidak boleh dipindahkan ke (F/I/P) lain.

- 11.2 Permohonan tambah masa projek dibenarkan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum projek ini tamat. Tempoh maksimum tambah masa adalah enam (6) bulan.
- 11.3 Ketua projek boleh memohon untuk melakukan pindahan V-siri dengan justifikasi tertentu.
- 11.4 Baki dana tidak boleh dipindahkan ke dalam mana-mana tabung atau projek penyelidikan yang lain. Dana yang tidak digunakan akan dipulangkan semula ke dalam Tabung Penajaan Fakulti Sains Kesihatan (FSK1) selepas akaun projek ini ditutup.

Disediakan oleh:

Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan & Inovasi)

6 November 2025